

Peluang Kerjaya Terbuka Di Karnival Kerjaya Dan Keusahawanan UniMAP 2010

Oleh: Nursakinah Abdul Karim

Tanggal 9 - 10 April yang lepas telah berlangsungnya Karnival Kerjaya dan Keusahawanan (C.E.C) di Dewan Serbaguna Kolej Kediaman UniMAP. Karnival tersebut telah dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan Kerjasama Pusat Kerjasama Industri serta Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP.

Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UniMAP 2010 merupakan satu inisiatif pihak universiti dalam usaha membuka ruang pendedahan berkenaan dengan maklumat kerjaya dan pendidikan lanjutan terutama kepada pelajar yang sedang berada di tahun akhir pengajian. Ia juga merupakan program berpusat melibatkan pelbagai sektor dan mensasarkan pelbagai kumpulan sasaran dalam menangani isu marketability dan employability serta isu pembangunan kerjaya. Dengan terlaksananya program ini, hubungan kerjasama di antara agensi kerajaan dan pelbagai sektor industri, swasta dan NGO dapat dijalankan dan dieratkan. Selain daripada itu, dengan program yang diadakan ini sedikit sebanyak

telah memberi impak yang cukup besar kepada para pelajar di UniMAP dalam usaha membantu mereka mendapatkan maklumat lengkap berhubung dengan perkembangan kerjaya mereka.

Sebanyak 15 wakil dari industri telah dijemput untuk membuka pameran bagi memperkenalkan bidang pekerjaan, mengadakan sesi temuduga, memberi taklimat kerjaya serta membuat kutipan resume daripada bakal graduan. Selain itu sebanyak 7 wakil daripada agensi pembangunan usahawan juga turut dijemput bagi memperkenalkan skim-skim serta perkhidmatan yang mereka tawarkan kepada bakal graduan yang berhasrat untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya mereka apabila bergraduat nanti. Bidang keusahawanan atau perniagaan dilihat amat penting pada masa kini. Ini berikutan dengan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan di sektor kerajaan

malahupun di sektor swasta amat sengit. Justeru itu, sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah tersebut, industri pekerjaan pada masa hadapan perlu terus dicipta dan diwujudkan. Oleh demikian, bidang keusahawananlah merupakan bidang yang penting dalam memberi kesinambungan dalam industri pekerjaan.

Selain dari pameran dan taklimat, terdapat juga aktiviti sampingan yang diadakan bagi memeriahkan karnival tersebut iaitu Pertandingan Catur Bistari. Pertandingan ini telah disertai oleh 4 kumpulan pelajar. Mereka kelihatan begitu teruja menyertai pertandingan ini kerana hadiah istimewa telah disediakan kepada para pemenang.

Senarai Agensi Pembangunan Usahawan Yang Terlibat

1	FAMA
2	AGRO BANK
3	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA(SSM)
4	MARA
5	TEKUN
6	SME BANK
7	ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD

Senarai Nama Industri Yang Terlibat

1	NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY (NCIA)
2	MOTOSIKAL DAN ENJIN NASIONAL SDN BHD (MODENAS)
3	INFINEON TECHNOLOGIES (KULIM) SDN BHD
4	SUBUR TEKNOLOGI (M) SDN BHD
5	JOB MARKET MALAYSIA SDN BHD
6	ON SEMICONDUCTOR-SEG INDUSTRIES MALAYSIA SDN BHD
7	B BRAUN MEDICAL INDUSTRIES SDN BHD
8	CAREEL XCELL
9	CONTINENTAL AUTOMOTIVE COMPONENTS (M) SDN BHD
10	SILTERRA (M) SDN BHD
11	PERMINTEX R&D SDN.BHD
12	PERMINTEX FURUKAWA SDN BHD
13	ADVANCED MIKRO DEVICES EXPORT SDN BHD
14	SIME DARBY PLANTATION
15	JABATAN TENAGA KERJA

